



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

Liga Remaja Kreatif 2013 Serlahkan Bakat dan Kreativiti Remaja dalam Penciptaan Video

Cyberjaya: 15 April 2013 --- Pertandingan mencipta video *Liga Remaja Kreatif* kini kembali! Dianjurkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), pertandingan ini bertujuan untuk menampilkan bakat pelajar dalam menghasilkan filem pendek bukan sahaja dalam penjanaaan ide-ide, tetapi juga di dalam mengasah kemahiran mereka dalam bidang IT dan multimedia.

Pertandingan Liga Remaja Kreatif 2013 merupakan susulan kepada kejayaan SKMM dalam penganjuran seumpamanya pada tahun 2010 yang telah mendapat sambutan amat baik daripada sekolah-sekolah menengah di seluruh tanah air.

Pertandingan dengan tema "**Klik Dengan Bijak**" kali ini sejajar dengan kempen kesedaran awam terhadap keselamatan internet di bawah koordinasi SKMM.

Hadiah-hadiah menarik ditawarkan, termasuk wang tunai terkumpul berjumlah lebih RM200,000, iPad, iPhone dan kamera digital. Dalam pada itu, pemenang juga berpeluang menyertai Kem Pembangunan Remaja Kreatif yang akan memberi pendedahan kepada mereka mengenai kepentingan kandungan kreatif dalam arus pembangunan negara.

Pertandingan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah dari 29 April hingga 21 Jun 2013. Penyertaan mestilah secara berkumpulan dimana setiap kumpulan terdiri daripada empat orang pelajar.

Untuk maklumat lanjut berkenaan syarat-syarat pertandingan, layari laman sesawang SKMM di www.skmm.gov.my.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

[Tamat]

Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Penasihat Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Strategik
Tel : +603 8688 8000
Faks : +603 8688 1007
E-mel : ccd@cmc.gov.my